
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HMT 327 – WACANA DAN PRAGMATIK

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan, iaitu mana-mana DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

... 2/-

Bahagian A

Jawab DUA soalan.

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan secara terperinci butiran-butiran tentang definisi wacana yang terdapat di dalam **Data 1** yang berikut:-

Data 1
<p>Wacana ialah satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi atau terbesar di atas kalimat atau klausa dengan koherensi dan kohesi tinggi yang berkesinambungan yang mempunyai awal dan akhir yang nyata disampaikan secara lisan atau tertulis.</p> <p style="text-align: center;">Sumber: Diubah suai daripada Tarigan (1995: 36)</p>

[25 markah]

2. Teliti **Data 2** berikut dan jawab soalan [a] dan [b].

Data 2
<p>“Dalam sehari, rambut kita akan gugur sekurang-kurangnya antara 50 hingga 100 helai. <u>Ini</u> adalah normal,” tulis Rozanna Chung, seorang pakar penjagaan rambut di dalam bukunya <i>Healthy Hair</i>.</p> <p>Bagi orang Asia, purata keguguran rambut adalah antara 20 hingga 30 helaian sehari. Kiraan <u>ini</u> berdasarkan kepada peratus helaian rambut di atas kepala. Ramai yang berasa bimbang setiap kali rambut tersangkut di celah-celah sikat, tetapi perkara <u>ini</u> tidak perlu dirisaukan. <u>Ini</u> kerana setiap rambut yang gugur akan digantikan dengan rambut baru serta-merta.</p> <p>Bilangan antara 50 hingga 100 helai rambut dirujuk sebagai panduan kerana kajian <u>ini</u> dilakukan ke atas subjek yang berbangsa <i>Caucasian</i>. Oleh yang demikian, keputusannya tidak boleh diaplikasikan secara langsung kepada semua kaum di negara lain.</p> <p style="text-align: center;">Sumber: <i>KOSMO</i> (19 Disember 2005: 29)</p>

...3/-

[a] Huraikan jenis, hubungan, dan perkara yang diterangkan oleh peranti kohesi 'ini' yang digariskan di dalam teks **Data 2**.

[20 markah]

[b] Apakah fungsi peranti kohesi 'ini' di dalam teks **Data 2** tersebut?

[5 markah]

3. Teliti **Data 3** berikut dan jawab soalan [a] dan [b].

Data 3

Sumber: *HARIAN METRO* (7 Disember 2005: 10A)

[a] Apakah maksud makna semantik dan makna pragmatik?

[10 markah]

...4/-

- [b] Huraikan makna semantik dan makna pragmatik perkataan 'kutu' di dalam **Data 3**.

[15 markah]

Bahagian B

Jawab DUA soalan.

4. Teliti **Data 4** berikut dan jawab soalan [a] dan [b].

Data 4	
[i]	Dia senang sekali melihat dua tiga ekor burung menjunam deras mencecah laut <u>dan</u> melayang cergas ke atas semula.
[ii]	Satiamah dan anak-anaknya menunggu <u>dan</u> memerhatikan Kariman yang sedang bersolat.
Sumber: A. Samad Said (1995)	

- [a] Nyatakan maksud yang diimplikasikan oleh kata hubung dan di dalam **Data 4** di atas berserta bukti yang sesuai yang dapat menyokong maksud yang diimplikasikan tersebut.

[12 markah]

- [b] Jelaskan fungsi 'makna prosedur' yang dikodkan oleh kata hubung dan dalam ayat tersebut menurut Blakemore (1986).

[13 markah]

5. Berdasarkan Teori Relevans jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Huraikan dengan jelas pandangan umum tentang kognisi manusia yang mendasari Teori Relevans.

[12 markah]

- [b] Huraikan prinsip-prinsip relevans teori ini.

[13 markah]

...5/-

6. Jawab soalan [a] dan [b]. Soalan [b] menggunakan maklumat di dalam Data 5.

[a] Huraikan Prinsip Kerjasama dan maksim perbualan yang digagaskan oleh Grice (1975).

[10 markah]

[b] Berdasarkan Data 5, jelaskan bagaimana sesuatu ujaran yang disampaikan dapat diinterpretasikan dengan betul berdasarkan prinsip kerjasama ini.

[15 markah]

Data 5

Mamak Cyber

Panel 1:
Woman: Apa fasel muka banyak monyok jugak ni Encik Malik?
Man: Aku tak tahan la kerja kat opis aku tu, hari-hari kena gangguan seksual kat rakan setugas aku!
Woman: Kalau biasa-biasa takpe la, ni siap peluk la, cium la! Hishh.... gelinya!

Panel 2:
Woman: Hai, selalunya worang lelaki banyak suka kalau pompuan bikin itu macam!
Man: Memang la suka tapi...
Woman: Malik sayangg...
Man: Ooo... U datang minum tak ajak Moni ya... sampai hati!
Woman: Patut la tarak suka!
Man: Eeeell

Sumber: *UTUSAN MALAYSIA* (24 Ogos 2006)